
8. PERBELANJAAN GERAN PEMBANGUNAN PROGRAM SME INVESTMENT PARTNER DAN PROGRAM GOING EXPORT

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi


1. LATAR BELAKANG

1.1. Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.) telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 [*Akta 539*]. SME Corp. merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menyelaras pelaksanaan program pembangunan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

1.2. Pada bulan Julai 2012, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Induk PKS meliputi tempoh antara tahun 2012 hingga 2020 di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10) hingga ke-11 (RMKe-11). Pelan Induk PKS bertujuan untuk melahirkan PKS yang mantap, berdaya saing dan mempunyai daya tahan dalam menghadapi cabaran yang timbul termasuk akibat tekanan daripada liberalisasi pasaran. Antara Program Berimpak Tinggi yang dilaksanakan di bawah Pelan Induk PKS adalah Program SME Investment Partner (SIP) dan Program Going Export (GoEx).

1.3. Program SIP bertujuan untuk memudahkan akses pembiayaan kepada PKS. Program SIP melibatkan kerjasama antara SME Corp. dan syarikat swasta sebagai pengurus dana yang dikenali sebagai SME Partner. SME Partner ini akan meraih dana daripada pelabur swasta untuk dipadankan bersama dana daripada Kerajaan dengan nisbah 1:2 atau 1:1. Bagi setiap RM1 dana yang berjaya diraih daripada pelabur swasta, Kerajaan melalui SME Corp. akan menyumbang dana sebanyak RM2 atau RM1. SME Partner akan menubuhkan Syarikat Dana yang bertindak sebagai Pengurus Dana. Dana yang terkumpul akan dipinjamkan atau dilaburkan sebagai ekuiti dalam PKS. Rangka Kerja Program SIP adalah seperti dalam **Carta 8.1**.

CARTA 8.1
RANGKA KERJA PROGRAM SME INVESTMENT PARTNER



Sumber: Rangka Kerja Program SIP

1.4. Program GoEx merupakan bantuan kewangan berbentuk geran yang diberikan kepada PKS untuk menembusi pasaran luar negara bagi tujuan pengeksportan barang dan perkhidmatan dalam tempoh 15 hingga 18 bulan. Program GoEx dilaksanakan melalui kerjasama dengan Rakan Strategik selaku peneraju program. Perjanjian kolaborasi di antara SME Corp. dan Rakan Strategik telah ditandatangani pada 10 September 2014. Tempoh perjanjian adalah mulai 10 September 2014 hingga 31 Disember 2020. Bagaimanapun, pada 1 Julai 2019, kerjasama ini telah ditamatkan dan SME Corp. telah mengambil alih pelaksanaan program daripada Rakan Strategik. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar PKS Bilangan 2 Tahun 2020 pada 11 Jun 2020, Program GoEx telah dijenamakan semula sebagai SMEs Go Global.

1.5. Bagi tujuan pelaksanaan Program SIP dan Program GoEx, SME Corp. telah menerima geran pembangunan berjumlah RM59.52 juta dalam tempoh tujuh tahun mulai tahun 2014 hingga 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8.1**.

JADUAL 8.1
GERAN PEMBANGUNAN UNTUK PELAKSANAAN
PROGRAM SIP DAN PROGRAM GoEx BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2020

PROGRAM	JUMLAH PENYALURAN GERAN (RM)
SME Investment Partner	39,000,000
Going Export	20,525,000
JUMLAH	59,525,000

Sumber: Data Perakaunan SME Corp. bagi tahun berakhir 2020

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan untuk menentukan sama ada geran pembangunan yang diterima bagi pelaksanaan Program SIP dan Program GoEx telah dibelanjakan bagi tujuan yang diluluskan mengikut undang-undang, garis panduan, peraturan kewangan dan perjanjian yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI

- 3.1. Pengauditan ini dijalankan di SME Corp. meliputi perbelanjaan geran pembangunan bagi Program SIP dan Program GoEx bagi tahun 2014 hingga 2022.
- 3.2. Pengauditan meliputi keseluruhan peruntukan perbelanjaan terhadap geran bagi Program SIP berjumlah RM39 juta dan geran Program GoEx berjumlah RM20.52 juta.
- 3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, minit mesyuarat, rekod kewangan dan rekod perakaunan serta menganalisa maklumat yang berkaitan dengan terimaan dan perbelanjaan geran. Temu bual dengan pegawai SME Corp. turut dilaksanakan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2022 hingga Februari 2023. Maklum balas daripada SME Corp. telah diterima pada 10 Mac 2023, 30 Mac 2023 dan 28 Julai 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 3 April 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1.

4.1. Geran Program SME Investment Partner dan Going Export Tidak Dibelanjakan Berjumlah RM31.62 Juta

- a. Pekeliling Perbendaharaan PB 1.3 Garis Panduan bagi Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, cadangan anggaran perbelanjaan hendaklah dibuat dengan teliti berdasarkan *core business* dan kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi mengikut susunan keutamaan program/projek/aktiviti. Penekanan hendaklah diberikan kepada strategi perbelanjaan secara terarah dan berhemat bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengelakkan pembaziran.
- b. Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 Perenggan 4 mengenai Perbelanjaan Pembangunan telah menetapkan hasrat Kerajaan Malaysia untuk mengoptimumkan perbelanjaan bagi semua projek yang sedang dalam

pelaksanaan. Kementerian/jabatan/agensi hendaklah memantau secara rapi kemajuan projek agar ianya siap dalam tempoh ditetapkan.

- c. Semakan Audit mendapati mulai tahun 2014 hingga 2020, SME Corp. telah menerima geran pembangunan berjumlah RM59.52 juta untuk Program SIP dan Program GoEx. Bagaimanapun, sehingga penghujung tahun 2022, hanya RM27.91 juta atau 46.9% telah dibelanjakan dan geran masih berbaki RM31.62 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 8.2**.

JADUAL 8.2
GERAN PEMBANGUNAN UNTUK
PROGRAM SIP DAN PROGRAM GoEx SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	PROGRAM	JUMLAH GERAN (RM)	BELANJA PEMBANGUNAN (RM)	BAKI GERAN PEMBANGUNAN SME CORP. (RM)
1.	SME Investment Partner	39,000,000	(22,266,986)	16,733,014
2.	Going Export	20,525,000	(5,640,853)	14,884,147
	JUMLAH	59,525,000	(27,907,839)	31,617,161


Sumber: Dokumen kewangan SME Corp.

- d. Penjelasan bagi perkara ini adalah seperti berikut:

i. Geran Program SME Investment Partner Berjumlah RM16.73 Juta Tidak Dibelanjakan

- Semakan Audit mendapati SME Corp. telah melantik dua syarikat sebagai SME Partner, iaitu syarikat 1237100-M dan syarikat 1176445-H bagi mendapatkan dana swasta untuk dipadankan dengan dana daripada Kerajaan. Setiap SME Partner telah menubuhkan syarikat dana untuk menguruskan dana. Syarikat 1237100-M telah menubuhkan syarikat 1302948-H manakala syarikat 1176445-H telah menubuhkan syarikat 1289428-W. Sebagai balasan, SME Corp. akan membayar yuran pengurusan kepada SME Partner yang dilantik untuk menguruskan syarikat dana. Butiran lanjut syarikat yang terlibat dalam Program SIP adalah seperti dalam **Carta 8.2**.

CARTA 8.2
PROGRAM SME INVESTMENT PARTNER (SIP)



Sumber: Perjanjian Langganan Redeemable Preference Shares

- Berdasarkan Perjanjian Langganan Redeemable Preference Shares (RPS) A, SME Partner perlu memenuhi komitmen modal dengan nisbah 2:1 atau 1:1 pada tarikh penutupan pertama. Sekiranya gagal, SME Partner boleh memohon perlanjutan tempoh tarikh penutupan pertama dengan memperoleh kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa Pelaburan. Perjanjian juga menetapkan tempoh dana (Fund Life) adalah sehingga tarikh penutupan akhir. Semakan Audit mendapati pada 31 Disember 2020, syarikat 1237100-M telah berjaya mendapatkan komitmen modal berjumlah RM10 juta daripada pelabur swasta seperti yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Langganan RPS A. Bagaimanapun, syarikat 1176445-H gagal memperoleh sebarang komitmen modal daripada pelabur swasta seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Langganan RPS A. Jumlah komitmen modal dan jumlah dana padanan SME Corp. adalah seperti dalam **Jadual 8.3**.

JADUAL 8.3
JUMLAH KOMITMEN MODAL DAN DANA PADANAN
SERTA KOMITMEN MODAL PADA 31 DISEMBER 2020

BUTIRAN	SME PARTNER 1	SME PARTNER 2
	SYARIKAT 1237100-M	SYARIKAT 1176445-H
Nisbah Komitmen Modal	2:1	1:1
Dana Padanan SME Corp.	RM20 Juta	RM20 Juta*
Komitmen Modal	RM10 Juta	RM20 Juta
JUMLAH KESELURUHAN	RM30 Juta	RM40 Juta
Tarikh Penutupan Akhir	30 November 2019	5 April 2020

Sumber: Perjanjian Langganan Redeemable Preference Shares

Nota: *Baki geran yang diterima adalah RM19 juta. Tambahan RM1 juta akan diambil daripada dana sedia ada di SME Corp.

- Semakan Audit seterusnya mendapati pada 31 Disember 2022, daripada RM39 juta dana Program SIP yang diperuntukkan, hanya sejumlah RM20.30 juta telah dibelanjakan dengan melabur kepada PKS yang berjaya dan sebagai bayaran yuran pengurusan kepada SME Partner. Selain itu, sejumlah RM1.97 juta pula telah dibelanjakan bagi tujuan pelaksanaan Program Pembangunan Kapasiti bagi Akses Kepada Pembiayaan. Baki geran pembangunan yang tidak dibelanjakan adalah berjumlah RM16.73 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8.4**.

**JADUAL 8.4
BAKI DANA PROGRAM SIP
YANG TIDAK DIBELANJAKAN PADA 31 DISEMBER 2022**

SME PARTNER	DANA PADANAN SME CORP. (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI DANA TIDAK DIBELANJAKAN (RM)
Syarikat 1237100-M	20,000,000	20,000,000	-
Syarikat 1176445-H	19,000,000	296,986	18,703,014
JUMLAH	39,000,000	20,296,986	18,703,014
Program Pembangunan Kapasiti Bagi Akses Kepada Pembiayaan			(1,970,000)
JUMLAH			16,733,014

Sumber: Memo Kelulusan dan Baucar Bayaran

ii. Geran Program GoEx Berjumlah RM14.88 Juta Tidak Dibelanjakan

- Semakan Audit mendapati bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 2020, SME Corp. telah menerima geran sejumlah RM20.52 juta untuk melaksanakan Program GoEx. Bermula tahun 2014 hingga 2018, SME Corp. telah menyalurkan sejumlah RM11.25 juta kepada Rakan Strategik untuk pelaksanaan program. Analisis Audit mendapati Rakan Strategik hanya membelanjakan RM2.42 juta (21.5%) bagi tempoh lima tahun pelaksanaan program. Perbelanjaan ini hanyalah 34.6% daripada RM7 juta yang disalurkan pada tahun pertama (2014) pelaksanaan program. Walaupun prestasi perbelanjaan Rakan Strategik adalah rendah, SME Corp. masih meneruskan penyaluran geran tambahan sejumlah RM4.25 juta dari tahun 2017 hingga 2018. Pada 3 Disember 2020, SME Corp. telah menamatkan perjanjian bersama Rakan Strategik dan peruntukan berjumlah RM8.83 juta (78.5%) yang tidak dibelanjakan oleh Rakan Strategik telah dikembalikan.
- Selepas perjanjian dengan Rakan Strategik tamat, SME Corp. telah meneruskan program dengan penjenamaan semula program sebagai SMEs Go Global. Bagi tempoh bulan Julai 2019 hingga Disember 2022, SME Corp. telah membelanjakan sejumlah RM3.23 juta. Pada 31 Disember 2022, baki

geran yang tidak berjaya dibelanjakan adalah RM14.88 juta (72.5%) daripada keseluruhan geran berjumlah RM20.52 juta yang disalurkan oleh Kerajaan. Butiran seperti dalam **Jadual 8.5**.

JADUAL 8.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PROGRAM GoEx BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2022

PROGRAM	TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA OLEH SME CORP. DARIPADA KEMENTERIAN (RM)	PERUNTUKAN (DISALURKAN KEPADА)/ DIKEMBALIKAN OLEH RAKAN STRATEGIK (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI GERAN (RM)
Program GoEx	2014	7,000,000	(7,000,000)	-	-
	2015	-	-	-	-
	2016	3,875,000	-	-	3,875,000
	2017	3,000,000	(3,000,000)	-	3,875,000
	2018	1,650,000	(1,250,000)	-	4,275,000
Program SMEs Go Global	2019	2,500,000	-	-	6,775,000
	2020	2,500,000	8,834,657	(1,066,957)	17,042,700
	2021	-	-	(1,428,553)	15,614,147
	2022	-	-	(730,000)	14,884,147
JUMLAH		20,525,000	(2,415,343)	(3,225,510)	14,884,147

Sumber: Memo Kelulusan, Baucar Bayaran dan Resit.

- e. Perbelanjaan yang rendah bagi program SIP adalah disebabkan kaedah pelaksanaan yang kurang berkesan. Satu daripada dua SME Partner telah gagal memperoleh komitmen modal daripada pelabur swasta. Manakala perbelanjaan yang rendah bagi Program GoEx, disebabkan oleh kaedah pelaksanaan program yang tidak memenuhi keperluan dan tidak menarik minat PKS. Perkara ini menyebabkan PKS tidak menyertai program tersebut. Selain itu, SME Corp. tidak melaksanakan sendiri program yang dirancang sebaliknya telah melantik SME Partner/Rakan Strategik yang menyebabkan SME Corp. terpaksa bergantung kepada prestasi SME Partner/Rakan Strategik. Prestasi SME Partner/Rakan Strategik yang kurang memuaskan memberi kesan langsung terhadap prestasi pelaksanaan program. Kesannya, peruntukan pembangunan yang disalurkan tidak dapat dibelanjakan dan PKS tidak mendapat manfaat daripada pelaksanaan program.

Maklum balas SME Corp. yang diterima pada 10 Mac 2023

Pelaksanaan Program SIP oleh SME Partner

Rangka kerja yang disediakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Julai 2014.

Syarikat 1176445-H pula telah dilantik sebagai SME Partner pada 16 April 2019. SME Corp. tidak meletakkan dana berdasarkan ratio perjanjian, iaitu 1:1 ke dalam Syarikat Dana (Syarikat 1289428-W) memandangkan Syarikat 1176445-H tidak dapat memenuhi mandat pelaburan yang menyatakan pelaburan perlu di buat ke atas syarikat permulaan (start-up) antara satu hingga tiga tahun beroperasi.

SME Corp. telah pun menamatkan perkhidmatan Syarikat 1176445-H sebagai SME Partner pada 4 November 2022 dan Syarikat 1176445-H telah mengemukakan *Members Written Resolution* untuk ditandatangani oleh SME Corp. pada 7 Februari 2023 bagi proses pembubaran Syarikat 1289428-W di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Pelaksanaan Program GoEx oleh Rakan Strategik (2014 hingga 2019)

SME Corp. mendapati permintaan daripada syarikat adalah kurang memberangsangkan memandangkan skop program yang menghadkan jumlah geran kepada RM50 ribu sahaja (dari tahun 2014 hingga 2017). Jumlah ini adalah sangat rendah berbanding keperluan kos persediaan eksport oleh syarikat yang tinggi. Bagi meningkatkan permohonan syarikat, had permohonan geran telah dinaikkan kepada RM200 ribu bermula pada tahun 2018. Perubahan ini telah meningkatkan jumlah permohonan sekali ganda pada tahun 2018 berbanding tahun 2017.

Selain itu, mekanisma pembayaran geran di bawah Program GoEx adalah secara tuntutan (reimbursement). SME Corp. mendapati banyak syarikat yang telah memohon tuntutan tetapi gagal mengemukakan dokumen sokongan lengkap yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Hal ini menyebabkan pembayaran geran kepada syarikat tidak dapat dilaksanakan.

Berdasarkan kelemahan program pada masa itu, SME Corp. telah memutuskan untuk menarik balik baki peruntukan yang diselia oleh Rakan Strategik berjumlah RM8.83 juta menjadikan baki peruntukan program di SME Corp. berjumlah RM18.10 juta. Penambahbaikan telah dilaksanakan bermula dari tahun 2020 dengan penjenamaan semula Program GoEx sebagai Program SMEs Go Global.

Pada 24 Mei 2021, KUSKOP telah menghantar permohonan kelulusan kepada Kementerian Kewangan untuk mengguna pakai baki tunai dana tanpa komitmen RMKe-11. Ini juga meliputi Program GoEx. Justifikasi permohonan adalah supaya baki dana tersebut dapat digunakan bagi merancakkan aktiviti eksport di kalangan PKS sebagai salah satu langkah penjanaan semula ekonomi negara.

Kementerian Kewangan pada 8 Februari 2022 telah meluluskan permohonan SME Corp. untuk mengguna pakai peruntukan Program Pembangunan RMKe-11 bagi menambah dana kepada PKS yang terjejas kerana banjir melalui Program SME Emergency Fund (SMEEF). SMEEF merupakan program yang melibatkan pinjaman mudah sehingga RM100,000 tanpa faedah (0%) berserta 12 bulan moratorium kepada PKS. Baki peruntukan Program GoEx berjumlah RM14.88 juta ini telah diguna pakai bagi tujuan ini. Ini menjadikan tiada lagi baki tersedia di bawah Program GoEx.

Maklum balas SME Corp. yang diterima pada 28 Julai 2023

Pelaksanaan Program SIP oleh SME Partner

SME Corp. bercadang untuk melanjutkan program SIP dengan mengguna pakai baki dana sedia ada untuk melabur kepada PKS yang telah beroperasi tidak melebihi 10 tahun seperti mana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan SME Corp. Bil. 2 Tahun 2022 (12 September 2022) dan Mesyuarat Perbadanan SME Corp. Bil. 4 Tahun 2022 (30 September 2022).

Pernyataan Audit	Pelaksanaan program yang lemah mengakibatkan hanya RM27.91 juta daripada RM59.52 juta geran berjaya dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan manakala RM14.88 juta telah dibelanjakan bagi program yang lain. Baki peruntukan RM16.73 juta yang tidak dibelanjakan merupakan kos melepas kepada PKS dan Kerajaan.
-------------------------	---

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, RM42.79 juta (71.9%) peruntukan yang diterima telah dibelanjakan dan memberi manfaat kepada PKS. Bagaimanapun, baki geran pembangunan berjumlah RM16.73 juta (28.1%) yang tidak dibelanjakan merupakan kos melepas kepada PKS dan Kerajaan kerana peruntukan tersebut tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

- 6.1. SME Corp. perlu merancang dengan teliti dan mengambil kira semua keperluan PKS sebelum memohon peruntukan dana daripada kementerian bagi menjalankan program; dan
- 6.2. KUSKOP, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan hendaklah memantau prestasi perbelanjaan program bagi memastikan geran yang diberi kepada agensi dibelanjakan sepenuhnya bagi maksud tujuan geran tersebut diberi. Sekiranya geran tidak dibelanjakan sepenuhnya, baki geran perlulah dipulangkan dengan segera supaya dapat digunakan untuk program pembangunan yang lain.